



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 01/2018
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Alhamdulillah bersyukur kita kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua Negara Brunei Darussalam menikmati keamanan dan kesejahteraan secara berterusan pada tahun 2017 yang baru saja kita tinggalkan dan tiba pula tahun baru masih 2018. Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan keamanan dan kesejahteraan yang tiada terhingga dan juga berkat daulat kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sokongan padu rakyat dan penduduk di negara ini.

Pada Tahun Baru Masihi 2018 ini, sebagai warga perkhidmatan awam kita perlu menghayati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Tahun Baru Masihi 2018 dan seterusnya menjunjung tinggi hasrat Baginda itu dengan penuh komited serta gigih berusaha sebagai jentera penggerak Kerajaan. Antara lain Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah iaitu seperti berikut:

1. Mengingatkan bahawa kita juga bernasib baik telah menikmati detik gemilang Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta di mana Baginda sekali lagi merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, baik secara langsung ataupun tidak, dalam menjayakan Sambutan Jubli Emas dan semua acara di dalamnya. Kemeriahan sambutan oleh semua lapisan rakyat dan penduduk, termasuk para pengunjung daripada luar negara, adalah mencerminkan keharmonian hidup bermasyarakat di negara ini. Ini perlu dipertahankan, supaya negara terus kekal dalam aman dan makmur untuk diwarisi oleh generasi demi generasi.
2. Mengingatkan bahawa dari tahun ke tahun, kita adalah semakin hampir kepada tempoh sasaran bagi Wawasan 2035. Tempoh itu semakin ia menghampiri kita, maka semakin besarlah tanggungjawab untuk kita mempastikan bahawa, langkah kita tidaklah ke mana-mana, melainkan hanya terarah kepada sasaran sahaja, sehingga tercapainya matlamat "Brunei Maju". Oleh yang demikian, dalam mendokong "Brunei Maju" ini, negara memerlukan kerjasama erat di antara pihak Kerajaan, swasta dan rakyat seumumnya. Kerana dengan kerjasama itulah akan menjadikan iklim perniagaan dan perusahaan bertambah mudah, dan sekaligus akan menjadikan negara juga lebih menarik di mata pelabur-pelabur asing.



- 2 -

3. Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyentuh mengenai bidang sosio-ekonomi di mana Kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi membantu perusahaan-perusahaan mikro, kecil dan sederhana, untuk melangkah lebih jauh sehingga ke pasaran antarabangsa. Ini termasuk penubuhan Bank Usahawan yang akan memulakan operasinya pada awal tahun 2018 ini. Di bidang yang sama, menyedari bahawa setiap insan itu, mempunyai keupayaan kelainan upaya, maka Baginda telah memperkenankan bagi pindaan ke atas Akta dan Peraturan Pencen dan Elaun Kurang Upaya di mana elaun kurang upaya akan juga dapat dihulurkan kepada mereka yang berumur di bawah 15 tahun, yang layak pada kadar tertentu. Pindaan ini akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018 di mana dengan pindaan ini, diharapkan kebijikan dan kesejahteraan penerima-penerima elaun tersebut akan lebih terjamin.
4. Baginda merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peringkat warga perkhidmatan awam, termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta, serta pasukan-pasukan keselamatan, di atas usaha gigih mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing di sepanjang tahun 2017.

Di dalam usaha kita menjunjung dan mendokong tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, Jabatan Perdana Menteri menaruh harapan tinggi khususnya warga perkhidmatan awam di negara ini untuk mengambil langkah-langkah pro-aktif dalam penambahbaikan diri, berfikiran positif, berwawasan serta bersemangat waja bagi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu, pergunakanlah masa yang sedia ada dengan sewajarnya, kerahkan tenaga ke arah penambahbaikan, sentiasa ikhlas dan jujur dalam apa jua tugas yang dilaksanakan. Ke arah itu, usaha perlu sentiasa diteruskan dalam memperbaiki pelbagai kelemahan dengan perubahan berfikir dan sikap secara lebih positif.

Sementara itu, kerjasama sepadau dari semua pihak yang berkepentingan adalah signifikan bagi mengukuhkan lagi semangat berpasukan dalam melaksanakan pembaharuan perkhidmatan awam yang lebih progresif melalui initiatif-initiatif pembaharuan seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (RKPA) 2016-2020 bagi mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

...../3

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Jauhari".



- 3 -

Pada kesempatan ini, Jabatan Perdana Menteri sukacita menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga perkhidmatan awam termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di Luar Negara, atas segala usaha, khidmat bakti dan sokongan padu yang diberikan serta taat setia yang tidak berbelah bahagi kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Akhir sekali, marilah kita sama-sama berdoa semoga usaha-usaha murni kita selaku warga perkhidmatan awam dalam membangun negara akan sentiasa dirahmati dan diberkati serta mendapat petunjuk daripada Allah Subahanahu Wata'ala.

Selamat Tahun Baru 2018


(HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (1)JPM/SK/2018
Tarikh: 30 Rabiulakhir 1439
17 Januari 2018